

SOALAN NO: 199**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : [BUKAN LISAN]
DARIPADA : Tuan Anyi Ngau [Baram]
TARIKH :
SOALAN : 199

Tuan Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rancangan pembinaan klinik desa /kesihatan di **Long Aton Ulu Tinjar** Dan **Long San Ulu Baram**. Sila nyatakan status permohonan serta jadual pelaksanaan jika diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) prihatin terhadap keperluan perkhidmatan kesihatan penduduk Long Aton Ulu Tinjar dan Long San Ulu Baram. Memang terdapat perancangan pembinaan Klinik Kesihatan (KK) Long San yang baru bagi menggantikan KK Long San sedia ada. KKM sedang dalam proses mengenal pasti tapak yang sesuai untuk perolehan tanah bagi tujuan ini. Pembinaan KK di Long San Ulu Baram yang baru ini kelak juga akan memberi manfaat kepada sebahagian penduduk di kawasan Long Aton.